

Intipati laporan ekonomi 2015/2016
Malaysian Insider
Oct 23, 2015

Berikut ialah intipati Laporan Ekonomi 2015/2016 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan sempena pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat hari ini.

- * Cukai barang dan perkhidmatan (GST) dijangka berjumlah RM39 bilion pada 2016 (3.1% KDNK) (2015: dianggarkan berjumlah RM27 bilion mulai April)
- * Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka kekal kukuh dengan pertumbuhan teguh pada 2016, berkembang antara 4.0% hingga 5.0% (2015:4.5-5.5%)
- * Pertumbuhan ekonomi Malaysia akan dipacu oleh permintaan domestik dengan perbelanjaan swasta terus menjadi pemacu utama.
- * Defisit fiskal Malaysia diunjur susut kepada RM38.8 bilion atau 3.1% daripada KDNK pada 2016 (2015: 3.2%)
- * Kutipan hasil kerajaan persekutuan tahun depan dijangka berkembang sebanyak 1.4% kepada RM225.7 bilion, diterutamanya disebabkan oleh kutipan tinggi dalam hasil cukai
- * Hasil berkaitan minyak dijangka turun 14.1% pada 2016 disebabkan oleh harga minyak mentah dunia yang lebih rendah (2015: 19.7%)
- * Perbelanjaan kerajaan pesekutuan dijangka meningkat 1.7% kepada RM265.2 bilion pada 2016 (2015: RM260.7 bilion)
- * Daripada RM265.2 bilion perbelanjaan kerajaan persekutuan, 81.1% diperuntuk untuk perbelanjaan mengurus manakala 18.9% untuk perbelanjaan pembangunan
- * Perbelanjaan mengurus pada 2016 dijangka meningkat sebanyak 0.9% berikutan usaha berterusan untuk merasionalisasi dan mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan
- * Perbelanjaan pembangunan dijangka naik 5.4% tahun depan dengan RM30.3 bilion untuk sektor ekonomi
- * Sektor keselamatan akan disediakan RM5 bilion pada 2016 untuk meningkatkan keupayaan angkatan tentera dan polis
- * Sebanyak RM1.6 bilion akan diperuntukkan tahun depan untuk sektor pentadbiran awam bagi menaik taraf kemudahan kerajaan di seluruh negara
- * Permintaan domestik dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5% tahun ini

dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta

- * Pelaburan swasta diunjur meningkat 6.7% pada 2016 dengan sejumlah besar pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan
- * Penggunaan swasta dijangka bertambah 6.4% pada 2016, mendapat faedah daripada prospek pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan gaji yang baik
- * Pelaburan awam dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.3% pada 2016 berbanding 1.6% diunjur tahun ini disokong oleh projek-projek baharu di bawah Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesebelas serta projek-projek yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10
- * Sektor perkhidmatan diunjur berkembang 5.4% pada 2016 dan meningkatkan bahagiannya kepada 54% daripada KDNK daripada 53.8% tahun ini dengan semua subsektor terus berkembang
- * Inflasi kekal stabil pada dua hingga tiga% pada 2016 (2015:2.0-2.5%)
- * PNK nominal per kapita diunjur naik 5.6% kepada RM38,438 tahun depan berbanding 4.2% pertumbuhan yang dijangka kepada RM36,397 tahun ini
- * Akaun semasa Malaysia dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil dalam lingkungan 1.5% hingga 2.5% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada 2015
- * Eksport kasar dijangka meningkat 1.4% pada 2016 berbanding penguncupan 0.7% tahun ini, disokong oleh pelaburan awam tinggi dan perbelanjaan modal dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan
- * Kedudukan luar Malaysia pada 2016 kekal terus menggalakkan sejajar dengan prospek pertumbuhan lebih baik bagi ekonomi serantau dan maju melalui pengembangan ekonomi domestik
- * Prospek perdagangan dunia diunjur bertambah baik tahun depan
- * Defisit dalam akaun perkhidmatan tahun depan dijangka meningkat kepada RM11.4 bilion daripada RM14.7 bilion tahun ini
- * Hutang kerajaan persekutuan kekal dalam had berhemat dan terkawal pada paras 55% KDNK, menjadikan Malaysia antara negara berhutang sederhana
- * Pinjaman luar pesisir kekal terurus pada 1.6% KDNK, walaupun peningkatan dolar AS
- * Sistem kewangan Malaysia kekal kukuh tahun ini meskipun pelbagai cabaran seperti kejatuhan harga komoditi dan kelemahan ringgit
- * Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menarik pelaburan berjumlah RM78 bilion

sejak dimulakan pada 2007, menyumbang 71% daripada jumlah sasaran sebanyak RM110 bilion menjelang 2020

* Industri insurans kekal berdaya tahan dengan permodalan kukuh dan keuntungan bertambah baik

* Lebihan dagangan dijangka lebih tinggi pada RM85.3 bilion atau 7.3% daripada KDNK pada 2015 (2014:RM82.5 bilion; 7.5%)

* Kerajaan komited untuk meningkatkan dan mengukuhkan pasaran kewangan Islam, sebagai sebahagian daripada strategi untuk memaju dan memakmurkan negara

* Pertanian dijangka meningkat pada separuh kedua 2015 dengan pengeluaran minyak sawit, getah yang lebih tinggi

* Asean akan menubuhkan jawatankuasa kerja untuk meningkatkan inklusif kewangan – Bernama, 23 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/intipati-laporan-ekonomi-2015-2016>